



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**SAFAR MEMBINA
TAWAKAL**



Tarikh Bacaan:
24 JULAI 2026M / 9 SAFAR 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Safar Membina Tawakal

24 Julai 2026M/ 9 Safar 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾ سورة التوبة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala
larangan-Nya. Sesungguhnya takwa itulah bekalan terbaik dalam
kehidupan dunia dan akhirat.

Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah
bertajuk: Safar Membina Tawakal.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam masyarakat kita, masih ada sebahagian kepercayaan lama yang mengaitkan bulan Safar dengan bala, sial, malang, pantang perkahwinan, pantang bermusafir dan pelbagai sangkaan buruk yang tidak bersumberkan ajaran Islam. Sedangkan Islam datang untuk membersihkan akidah manusia daripada khurafat, sangkaan buruk dan kepercayaan yang merosakkan pergantungan hati kepada Allah ﷺ. Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا عَذْوَى وَلَا طَيْرَةٌ وَلَا صَفَرٌ وَلَا هَامَةٌ

Maksudnya: *“Tiada penyakit yang berjangkit dengan sendirinya, tiada kepercayaan bahawa haiwan memberi manfaat dan mudarat, tiada kesialan pada bulan Safar dan tiada kepercayaan kepada burung hantu pembawa sial.”* (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini mengajar kita bahawa setiap bulan adalah milik Allah. Safar bukan bulan sial. Muharam, Safar, Rabiulawal dan bulan-bulan lain semuanya berada di bawah ketentuan Allah ﷻ. Yang menentukan bahagia atau celaka bukan nama bulan, tetapi iman, amal, akhlak dan ketaatan kita kepada Allah ﷻ. Allah berfirman dalam Surah at-Taubah ayat 51 maksudnya:

“Katakanlah, tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung kami, dan kepada Allah jualah hendaknya orang-orang beriman bertawakal.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebahagian catatan sirah menyebut bahawa beberapa peristiwa penting dikaitkan dengan bulan Safar. Peristiwa-peristiwa ini bukan untuk dijadikan bahan sejarah semata-mata, tetapi untuk diambil pengajaran dalam membina iman, keluarga, perjuangan dan keteguhan umat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pertama: Pernikahan Rasulullah SAW dengan Saidatina Khadijah RA

Pernikahan agung ini berlaku pada bulan Safar sebelum Baginda ﷺ diangkat sebagai Rasul. Pernikahan yang penuh keberkatan ini menjadi teladan agung dalam membina sebuah rumah tangga yang berasaskan iman, kasih sayang, kepercayaan, pengorbanan dan saling menyokong antara suami dan isteri.

Saidatina Khadijah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا bukan sekadar seorang isteri, bahkan merupakan pendamping setia yang sentiasa berada di sisi Rasulullah SAW dalam saat-saat yang paling sukar. Ketika Baginda menerima wahyu pertama dan pulang dalam keadaan gementar, Saidatina Khadijah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا menenangkan hati Baginda, meyakini kerasulan Baginda, memberikan dorongan yang tidak berbelah bahagi, dan menjadi insan pertama yang beriman kepada risalah Islam.

Kedua: Peristiwa Hijrah Rasulullah SAW ﷺ.

Peristiwa penting yang berlaku pada bulan Safar ialah permulaan hijrah Rasulullah ﷺ dari Makkah ke Madinah. Setelah menerima perintah Allah ﷻ, Baginda merancang perjalanan dengan penuh

teliti dan berhati-hati. Baginda memilih Saidina Abu Bakar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ sebagai teman musafir, mengatur strategi bagi mengelirukan musuh, serta bersembunyi di Gua Thur selama tiga hari sebelum meneruskan perjalanan ke Madinah.

Peristiwa ini membuktikan bahawa kejayaan tidak datang hanya dengan harapan semata-mata. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ telah menunjukkan contoh terbaik dengan menggabungkan keimanan yang teguh, perancangan yang rapi, ikhtiar yang bersungguh-sungguh dan tawakal yang sempurna kepada Allah. Setelah segala usaha dilakukan, Baginda menyerahkan sepenuhnya keputusan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ketiga: Perang al-Abwa'.

Peristiwa ini merupakan antara gerakan awal yang dipimpin sendiri oleh Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ selepas Baginda berhijrah. Ia berlaku pada bulan Safar. Walaupun tidak berlaku pertempuran besar, ia membuktikan bahawa umat Islam sentiasa bersiap siaga dalam mempertahankan agama, maruah dan keselamatan negara.

Peristiwa ini mengajar kita bahawa kekuatan umat Islam tidak dibina dengan semangat semata-mata tetapi melalui iman yang teguh, perancangan yang teliti, disiplin yang tinggi, strategi yang bijak dan kesatuan yang utuh. Hari ini, medan perjuangan kita mungkin bukan lagi di medan peperangan, tetapi medan mempertahankan akidah, memelihara institusi keluarga, membina kekuatan ekonomi umat,

melawan rasuah dan penyelewengan, mendidik generasi muda dengan nilai Islam serta menggunakan media sosial secara berhemah untuk menyebarkan kebenaran dan menangkis fitnah.

Keempat: Perang Khaibar.

Peristiwa Khaibar mengingatkan kita tentang kepentingan kekuatan iman, kepimpinan, kesabaran dan keyakinan terhadap pertolongan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Kemenangan tidak datang hanya kerana jumlah yang ramai atau kelengkapan yang hebat, tetapi kerana iman yang benar, usaha yang tersusun dan pergantungan yang tinggi kepada Allah.

Begitu juga kehidupan kita, ada "Khaibar" dalam hidup masing-masing. Ada tembok ujian yang perlu ditembusi. Ada beban hutang, konflik keluarga, tekanan kerja, sakit, kehilangan, kegagalan dan kebimbangan. Namun orang beriman tidak kenal erti putus asa. Mereka akan terus berusaha, berdoa, bertawakal dan yakin bahawa pertolongan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sentiasa dekat.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Maka jelaslah bahawa bulan Safar bukan bulan malang. Bulan Safar mengajar kita tentang cinta dan setia melalui kisah Khadijah *رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا*, keberanian berubah melalui hijrah, disiplin dan kesatuan melalui al-Abwa, serta keteguhan menghadapi cabaran melalui Khaibar. Janganlah kita mencemarkan akidah dengan mempercayai pantang larang yang tidak berasas. Tidak perlu menangguhkan musafir kerana sangkaan buruk. Jangan menyalahkan bulan apabila berlaku musibah.

Sebaliknya, perbetulkan iman, kukuhkan tawakal dan perbanyakkan amal soleh.

Rasulullah ﷺ mendidik umatnya agar sentiasa bersangka baik kepada Allah, berusaha dengan segenap kemampuan, berdoa dengan penuh pengharapan, bertawakal dengan sepenuh hati kemudian menyerahkan segala natijahnya kepada Allah ﷻ. Orang beriman tidak hidup dengan ketakutan kepada bulan, angka, hari atau petanda. Orang beriman hidup dengan keyakinan bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil tiga pengajaran:

Pertama: Safar bukan bulan sial. Semua bulan adalah ciptaan Allah, dan setiap musibah atau nikmat berlaku dengan izin-Nya.

Kedua: Peristiwa-peristiwa yang dikaitkan dengan Safar mengajar kita tentang cinta, hijrah, kesatuan, perjuangan dan tawakal.

Ketiga: Umat Islam wajib menjauhi khurafat dan membina kehidupan berdasarkan akidah yang sahih, usaha yang bersungguh-sungguh dan pergantungan sepenuhnya kepada Allah ﷻ.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Segala kefahaman yang sesat dan menyeleweng daripada akidah hendaklah dijauihi oleh semua umat Islam. Salah satu daripadanya yang didapati menyeleweng adalah sepertimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2021 seperti berikut:

Pemikiran dan fahaman Ismail bin Ariffin (LEPAT) adalah menyeleweng daripada fahaman ajaran Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah diantaranya ialah isu-isu utama seperti makrifatullah dan perbincangan khusyuk dalam solat daim dan menyalahi tafsiran istilah oleh para ulama' muktabar. Segala bentuk penulisan beliau hendaklah ditarik balik dan diharamkan berada di pasaran kerana boleh mengelirukan masyarakat.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَلَمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قُولاو فَيَنْعَ آمِنًا مُظْمِنًا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG